

# Kilang rakus kaut untung

*Beroperasi secara haram, 12 pekerja asing ditahan*

NUR FARHANA  
ABDUL MANAN

BANTING

Tindakan pengusaha kilang plastik haram yang rakus mengantarkan keuntungan tanpa memikirkan keselamatan dan kesejahteraan penduduk berakhir apabila premis tersebut diserbu pihak berkuasa.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat

(MDKL), Mohamad Zain A Hamid berkata, bertindak atas aduan pihaknya menyerbu lapan kilang memproses plastik di sekitar kawasan Seri Cheding dan Telok Panglima Garang.

Operasi dilaksana MDKL melibatkan 91 pegawai turut disertai Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Imigresen.

Serbuan turut disertai Pejabat Daerah Kuala Langat, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Selangor, Syarikat Bekalan Air Selangor dan Tenaga Nasional Berhad.

Menurutnya, kesemua pintu masuk kilang dan pelbagai jenis peralatan kilang disita.

"Pengusaha dikenakan



Keadaan kilang yang didapati tidak mengikut spesifikasi.

notis kesalahan di bawah Seksyen 19 (1), Akta 172; Seksyen 70 (13) (c), Akta 133 dan notis kesalahan di bawah Seksyen 70(a), Akta 171.

"Jabatan imigresen menahan 12 pekerja asing

masing-masing di Batu 11, Jalan Klang Banting dan Jalan Telok Mengkuang, Telok Panglima Garang. Mereka ditahan di bawah Sub Seksyen (1) Seksyen 40, Ordinan Imigresen 1959,"

katanya.

Mohamad Zain berkata, bagi mengelakkan kilang terus beroperasi, JAS meterai 18 buah mesin di bawah Seksyen 38(1)(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Dalam operasi sama-pihak Kastam DiRaja Malaysia menyita tujuh kotak minuman keras tidak berkastam di bawah Akta Kastam 1967.

Pejabat Daerah Kuala Langat pula mengeluarkan Notis 7A, Kanun Tanah Negara ke atas sebuah kilang yang bertempat di Kampung Seri Cheding.

"Saya kecewa apabila terdapat pengusaha dipercayai menjalankan operasi mereka pada waktu malam," katanya.

"Namun saya ucap terima kasih kepada semua agensi yang membantu dan terlibat dalam operasi kali ini bagi elakkan Kuala Langat tidak menjadi sebuah daerah longgokan sisa plastik," katanya.